

# Hormati kepimpinan gaya Abdullah

KEPALA BATAS 11 Jun - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta supaya menghormati perbezaan gaya kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menjayakan Misi Nasional serta melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kepala Batas, Ahmad Darus berkata, kritikan Dr. Mahathir terhadap Abdullah tidak sewajarnya berlaku ketika kerajaan sedang memerlukan sokongan padu daripada semua pihak untuk kesinambungan pembangunan negara.

"Tun sewajarnya memberi peluang sepenuhnya kepada kepimpinan Perdana Menteri untuk merencanakan agenda negara seperti mana Tun juga telah diberi peluang melakukannya dalam tempoh yang cukup lama iaitu 22 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ahmad mengulas mengenai kritikan keras Dr. Mahathir terhadap gaya kepimpinan Abdullah dengan mendakwa kerajaan ketika ini telah melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran dipimpin oleh Dr. Mahathir sebelum ini.

Berikutan kritikan itu, Abdullah memberi reaksi bahawa Dr. Mahathir bebas bercakap apa sahaja termasuk melemparkan kritikan pedas terhadap beliau kerana Malaysia adalah negara demokrasi.

Ahmad berkata, Dr. Mahathir sebagai pemimpin dikagumi sepatutnya terus menyokong kerajaan sekarang dengan tidak membangkitkan kritikan secara terbuka bagi mengelakkan imej kepimpinan Abdullah tercemar.